



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

---

**PELAKSANAAN AKTIVITI IBADAH SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA  
TAHUN 1441H DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dan setelah merujuk garis panduan Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

**1. Solat Sunat Hari Raya Aidiladha**

- 1.1 Pada **10 Zulhijjah 1441H**, bersamaan **31 Julai 2020**, **solat sunat Hari Raya Aidiladha dibenar untuk dilaksanakan** secara berjemaah di seluruh masjid dan surau dalam negeri Perak. Bilangan jemaah yang dibenarkan mendirikan solat sunat Hari Raya Aidiladha di masjid dan surau tersebut ialah berasaskan had kapasiti **keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara ahli jemaah.
- 1.2 Pelaksanaan solat sunat Hari Raya Aidiladha yang dilaksanakan secara berjemaah di seluruh masjid dan surau dalam negeri Perak **juga dibuka kepada muslimah** di ruang khas yang disediakan. Kehadiran muslimah hendaklah bersama mahram; dan
- 1.3 Memandangkan sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini jatuh pada hari Jumaat dan selaras dengan ketetapan ulil amri (pemerintah), adalah ditegaskan bahawa **solat Jumaat wajib dilaksanakan** pada Hari Raya Aidiladha. Bilangan ahli Jumaat (أهل الجمعة) yang dibenarkan mendirikan solat Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat ialah berasaskan had kapasiti **keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara ahli jemaah.

1.4 Kehadiran menunaikan solat sunat Hari Raya Aidiladha dan solat Jumaat, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.

## 2. Ibadah Korban

2.1 Pada **10 sehingga 13 Zulhijjah 1441H**, bersamaan **31 Julai sehingga 3 Ogos 2020**, hanya ibadah korban yang dianjurkan oleh jawatankuasa masjid dan surau **dibenar** untuk dilaksanakan;

2.2 Lokasi pelaksanaan ibadah korban hanya boleh dilaksanakan terhad di kawasan halaman masjid dan surau;

2.3 Kebenaran ini juga diberikan terhad dengan berasaskan permohonan dan kelulusan Pihak Berkuasa Agama Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta tertakluk kepada pematuhan garis panduan; dan

2.4 Kehadiran semasa melaksanakan aktiviti ibadah korban, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para peserta dan petugas yang melaksanakan ibadah korban hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang penyembelihan dan pengagihan.

3. Penggunaan masjid dan surau untuk pelaksanaan solat sunat Hari raya Aidiladha, solat Jumaat serta penggunaan kawasan halamannya untuk aktiviti ibadah korban, hendaklah mematuhi sepenuhnya garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Jabatan Agama Islam Perak akan mengeluarkan satu garis panduan pelaksanaan solat sunat Aidiladha dan aktiviti ibadah korban kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah masjid dan surau di negeri Perak dan selanjutnya menyelia dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi.

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

  
(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

2 Zulkaedah 1441H / 24 Jun 2020